



## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

- 1) PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP41 (KONTRAK/TETAP)
  - 2) PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK) GRED JA29 (KONTRAK/TETAP)
  - 3) PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED JA29 (KONTRAK/TETAP)
  - 4) PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29 (KONTRAK/TETAP)
  - 5) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29 (KONTRAK/TETAP)
  - 6) PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U29 (KONTRAK)
  - 7) PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19 (KONTRAK/TETAP)
  - 8) PEMBANTU PENILAIAN GRED W19 (KONTRAK/TETAP)
  - 9) PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19 (KONTRAK/TETAP)
  - 10) PEMBANTU KEMAHIRAN (MEKANIK) GRED H19 (KONTRAK/TETAP)
  - 11) PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH GRED H11 (KONTRAK/TETAP)
- 

A

1. JAWATAN : PEGAWAI PENGUAT KUASA
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP
- GRED JAWATAN/GAJI : GRED KP41  
RM2,081.00 - RM9,547.00
- SYARAT LANTIKAN

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (ii) **Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau**
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- (b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

- (ii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
- (iii) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (iv) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; **dan**
- (vi) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat di lapangan oleh pegawai perubatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) di atas; **atau**
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) Had umur pelantikan
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

<b>2. JAWATAN</b>	<b>: PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK)</b>
<b>KEKOSONGAN JAWATAN</b>	<b>: 01</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KEJURUTERAAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: KONTRAK/TETAP</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: GRED JA29 RM1,549.00 - RM5,701.00</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan elektrik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**

- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan elektrik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a) di atas; **atau**
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) Had umur pelantikan
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**3. JAWATAN : PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL)**

**KEKOSONGAN JAWATAN : 01**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**

**GRED JAWATAN/GAJI : GRED JA29  
RM1,549.00 - RM5,701.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a) di atas; **atau**
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) Had umur pelantikan
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

<b>4. JAWATAN</b>	<b>: PENOLONG PEGAWAI SENI BINA</b>
<b>KEKOSONGAN JAWATAN</b>	<b>: 01</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KEJURUTERAAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: KONTRAK/TETAP</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: GRED JA29 RM1,549.00 – RM5,701.00</b>

## **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (b) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 5. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN**
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**
- GRED JAWATAN/GAJI : GRED U29  
RM1,797.00 – RM5,7530.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Diploma dalam bidang pembantu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 6. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI FARMASI**
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**
- TARAF JAWATAN : KONTRAK**
- GRED JAWATAN/GAJI : GRED U29  
RM1,797.00 – RM5,753.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. **JAWATAN** : **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**
- KEKOSONGAN JAWATAN** : **01**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEJURUTERAAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- TARAF JAWATAN** : **KONTRAK/TETAP**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **GRED J19**  
**RM1,377.00 – RM4,052.00**
- SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu/Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

(a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); **dan**

(b) Had umur pelantikan:

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

8. **JAWATAN** : **PEMBANTU PENILAIAN**
- KEKOSONGAN JAWATAN** : **02**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEWANGAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**  
**GRED JAWATAN/GAJI : GRED W19**  
**RM1,353.00 – 4,005.00**  
**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; **atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**9. JAWATAN : PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN**  
**KEKOSONGAN JAWATAN : 01**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**  
**GRED JAWATAN/GAJI : GRED N19**  
**RM1,352.00 – RM4,003.00**  
**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**10. JAWATAN : PEMBANTU KEMAHIRAN (MEKANIK)**

**KEKOSONGAN JAWATAN : 05**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**

**GREED JAWATAN/GAJI : GREED H19  
RM1,377.00 – RM4,052.00**

**SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; **atau**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**11. JAWATAN : PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH**

**KEKOSONGAN JAWATAN : 06**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**

**GREED JAWATAN/GAJI : GREED H11  
RM1,218.00 - RM2,939.00**

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred E) dalam 4 mata pelajaran yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- (b) Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred D) dalam 4 mata pelajaran yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;



## **SYARAT LANTIKAN TAMBAHAN**

- (a) Memiliki lesen memandu Kelas F/G/H/I lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (b) Berkebolehan memandu dan mengendalikan semua jenis jentera pemunggah dalam pelbagai saiz dan kekuatan; **dan**
- (c) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **B. UMUR**

Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

## **C. CARA MEMOHON**

- (i) Kelayakan dan syarat permohonan jawatan kosong ini boleh didapati dengan melayari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my) dan permohonan hendaklah dikemukakan secara **ONLINE SAHAJA** dengan menggunakan **Sistem Recruiting DBKL**.
- (ii) Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta atau luar negara hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php> atau <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>
- (iii) Calon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan Ijazah, Diploma, SPM, SVM, PT3, PMR dan Sijil-sijil bagi jawatan berkaitan atau resume sehingga dihubungi untuk temu duga.

## **CATATAN**

- (i) Borang Permohonan secara online yang **tidak lengkap akan ditolak**.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.
- (iii) **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tuan / puan tidak berjaya.**

**TARIKH BUKA IKLAN : 17 JULAI 2021 (SABTU)**

**TARIKH TUTUP IKLAN : 31 JULAI 2021 (SABTU)**

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my))